



**Diterbitkan oleh
Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035
Jabatan Perdana Menteri**

**Dengan Kerjasama
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

Negara Brunei Darussalam



SEKRETARIAT TETAP WAWASAN BRUNEI 2035 JABATAN PERDANA MENTERI

Cetakan Pertama 2020 (Edisi Pertama bagi Peringkat Menengah)

© Hak Cipta Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dengan apa jua bentuk atau alat sama ada dengan cara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Buku ini diusahakan penerbitannya oleh:

Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan

WAWASAN Brunei 2035 wawasan negaraku. – Bandar Seri Begawan :
Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, 2020.

43 p. 14.8 cm x 21 cm


ISBN 978-99917-68-85-4 (Softcover)

1. Brunei Darussalam -- Economic Policy 2. Brunei Darussalam -- Politics
and government 3. Education -- Brunei Darussalam

338.95955 WAW (DDC 23)

KANDUNGAN

Wawasan Brunei 2035	1
Menjayakan Wawasan Brunei 2035	20
Belia Harapan Bangsa	37
Penghargaan	43



WAWASAN BRUNEI 2035

Pada tahun 2004, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenalkan penubuhan Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang bagi meneliti penyediaan rancangan pembangunan bagi 30 tahun yang akan datang. Hasil daripada dapatan Badan tersebut, visi jangka panjang Negara Brunei Darussalam yang dikenali sebagai **Wawasan Brunei 2035** telah dilancarkan pada tahun 2008.

Wawasan Brunei 2035 ialah aspirasi jangka masa panjang negara dan rakyat yang berhasratkan Negara Brunei Darussalam berkembang maju dan memastikan masa depan negara terjamin. Pelbagai perancangan dan usaha dijalankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengekalkan kesejahteraan rakyat dan penduduknya, di samping menjadikan negara sentiasa aman damai dan berjaya.

Matlamat Wawasan Brunei 2035

Wawasan Brunei 2035 berhasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam, menjelang tahun 2035, dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai:

Matlamat 1	Matlamat 2	Matlamat 3
Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.	Kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.	Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.



**Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
sempena Majlis Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2018**

“

Dari tahun ke tahun,
kita adalah semakin hampir kepada
tempoh sasaran bagi Wawasan 2035.
Tempoh itu semakin ia menghampiri kita, maka
semakin besarlah tanggungjawab untuk kita
memastikan bahawa, langkah kita tidaklah ke mana-
mana, melainkan hanya terarah kepada sasaran sahaja,
sehingga tercapainya matlamat “Brunei Maju”.

Tentu saja, dalam mendukung “Brunei Maju” ini,
negara memerlukan kerjasama erat di antara pihak
kerajaan, swasta dan rakyat seumumnya.

Kerana dengan kerjasama itulah akan menjadikan
iklim perniagaan dan perusahaan bertambah mudah,
dan sekali gus akan menjadikan negara juga
lebih menarik di mata pelabur-
pelabur asing.

”

MATLAMAT 1: RAKYAT YANG BERPENDIDIKAN, BERKEMAHIRAN TINGGI DAN BERJAYA

Negara berhasrat untuk memastikan rakyat negara ini mempunyai pendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya agar mereka dapat memajukan negara. Sebagai seorang belia, kita perlu bekerja keras dalam apa jua bidang yang diceburi dan berusaha untuk menjadi golongan yang berilmu pengetahuan, mempunyai pelbagai kemahiran dan berjaya dari pelbagai bidang agar dapat sama-sama memajukan negara.

Setiap pelajar bertanggungjawab untuk memastikan mereka berjaya dari segi pendidikan dan menjadi modal insan yang berguna. Kejayaan ini dinilai bukan sahaja daripada segi pendidikan, malah daripada segi kemahiran dalam pelbagai bidang antaranya sains dan teknologi, kejuruteraan, ekonomi, keusahawanan, kemahiran keinsanan (*soft skills*) dan sebagainya. Seorang pelajar yang berjaya dalam pendidikan dan mempunyai kemahiran keinsanan seperti berkomunikasi dan berkongsi pemikiran, ilmu dan bakat dapat melahirkan seorang insan yang berkualiti tinggi.



MATLAMAT 2: KUALITI KEHIDUPAN RAKYAT YANG TINGGI

Kita ingin mengekalkan dan memberikan kualiti kehidupan yang tinggi bagi semua lapisan rakyat di pada masa hadapan seperti dalam bidang kesihatan, keselamatan, infrastruktur serta mengamalkan dan menghayati nilai-nilai Melayu Islam Beraja, mengekalkan persekitaran yang hijau dan sebagainya.



Semua ini hanya dapat dicapai jika setiap individu dapat mengamalkan perkara-perkara seperti:

1. Cara hidup yang sihat

Pengambilan makanan yang sihat dan sentiasa aktif melakukan kegiatan fizikal atau beriadah.



2. Mengekalkan persekitaran yang hijau

Tidak membuang sampah di merata tempat dan tidak melakukan pembakaran terbuka dan aktif ikut serta dalam aktiviti seperti "Cleaning Campaign".



3. Kehidupan yang berharmoni

Sentiasa menghormati orang tua, menziarahi orang sakit, mengenal dan menghormati jiran tetangga, menghadiri majlis-majlis keluarga, menghormati adat dan budaya bangsa-bangsa lain dan ikut serta dalam sambutan hari-hari kebesaran negara. Kita juga perlu selalu bekerjasama dan tolong-menolong bagi mewujudkan perpaduan.



4. Membantu menjaga keselamatan

Memastikan keselamatan diri, persekitaran dan keselamatan negara dengan mematuhi semua peraturan dan undang-undang di negara ini. Kita juga boleh mengawasi persekitaran rumah, sekolah dan kampung dan tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah seperti mencuri, menyalahgunakan dadah, menerima dan memberi rasuah, merosakkan harta benda dan sebagainya.

5. Berusaha untuk berjaya dalam pelbagai bidang

Kita mesti sentiasa berusaha dalam apa jua bidang yang diceburi, sama ada ianya dalam bidang perniagaan, pembelajaran, kesukarelawanan dan sebagainya. Kejayaan kita akan dapat membantu menyumbang dalam pembangunan negara.



6. Mengamalkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja dalam kehidupan seharian

Sebagai rakyat negara ini, kita bertanggungjawab untuk mengamalkan dan menghayati nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang menjadi teras hidup kita kerana setiap masyarakat akan mengalami perubahan dan cabaran. Dengan adanya masyarakat yang teguh dalam prinsip Melayu Islam Beraja, kita akan melahirkan masyarakat yang mempunyai budi pekerti, budi bahasa yang mulia, berhemah tinggi, berjiwa besar, taat kepada raja, agama dan negara. Mereka akan menjadi rakyat yang memiliki semangat berjariah, berkariah dan berani.

PEMIMPIN BELIA

Belia Berwawasan perlu terus berusaha untuk berjaya. Belia yang berjaya lebih berupaya untuk membantu masyarakat dan menyumbang kepada negara. Kejayaan ini boleh dicapai melalui ketekunan belia untuk mendapatkan pendidikan dan kemahiran bagi menceburi apa jua bidang yang diingini. Jika keperluan kepakaran pada masa akan datang diisi oleh belia-belie yang pintar, mahir dan berwawasan, kejayaan negara adalah lebih terjamin. Belia bebas untuk memilih bidang yang ingin diceburi. Kejayaan dalam bidang-bidang tersebut sama ada kecil mahupun besar dianggap sebagai pencapaian yang amat berharga kepada pembinaan seorang belia yang berwawasan.

Anugerah Hari Belia Kebangsaan merupakan salah satu inisiatif negara dalam memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada kejayaan-kejayaan belia di Negara Brunei Darussalam. Pada setiap tahun, belia negara yang meraih kecemerlangan dalam bidang masing-masing telah dikenalpasti dan diberikan Anugerah Hari Belia Kebangsaan dalam empat kategori iaitu:

1. Anugerah Belia Cemerlang
2. Anugerah Belia Berkhidmat
3. Anugerah Pemimpin Muda Belia
4. Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia.

Negara Brunei Darussalam sangat memerlukan lebih banyak belia yang berwawasan seperti ini, dan semua belia haruslah mencontohi mereka dalam usaha meraih kejayaan masing-masing.



Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2019

Sumber daripada artikel Pelita Brunei



Anugerah Belia Cemerlang kepada Dayang Hajah Noor Monasalieana @ Suzie binti Haji Mohd. Salleh

Seorang usahawan dan pengurus bagi tujuh buah syarikat tempatan di negara ini. Anugerah tersebut ialah sebagai pengiktirafan kepada belia atas jasa yang cemerlang dalam kerja atau usaha-usaha yang ditunjukkan dalam mengangkat nama negara dalam pelbagai bidang dan di peringkat antarabangsa.



Anugerah Belia Berkhidmat kepada Dr. Dayang Hajah Umami Fa'izah binti Haji Abdul Rahman

Pengasas dan Mentor kepada Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong. Anugerah kategori ini diberikan sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada belia yang telah berkhidmat secara berterusan untuk masyarakat di negara ini dalam pelbagai bidang selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.



Anugerah Pemimpin Muda Belia kepada Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Mohd. Saleh

Bertugas sebagai Pegawai Pelajaran di Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok dan merupakan Yang Di-Pertua Persatuan *Society for Community Outreach & Training* (SCOT). Anugerah ini adalah sebagai pengiktirafan atas khidmat cemerlang yang telah diberikan oleh pemimpin muda dalam memajukan organisasi atau persatuan yang telah dipimpinnya secara berterusan, menanai dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Anugerah tersebut merupakan aspirasi dalam melahirkan pemimpin belia yang mandiri, berwibawa dan berwawasan.



Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia kepada Awang Zul'Amali bin Dato Paduka Haji Idris, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Dart Logistics Sdn. Bhd.

Anugerah ini diberikan bagi mengiktiraf projek-projek belia yang berjaya diungkayahkan dalam memacu pembangunan masyarakat belia di pelbagai bidang terutama dalam era peledakan Revolusi Industri 4.0. Projek-projek yang diungkayahkan ialah satu inovasi pembangunan dan kemajuan selaras dengan aspirasi negara dan era ekonomi digital.

Kecemerlangan belia juga dapat dilihat dalam kalangan belia yang menjadi ahli badan-badan bukan kerajaan (NGOs). Sebagai contoh Persatuan *Society for Community Outreach & Training* (SCOT) menumpukan usaha mereka ke arah menangani masalah kemiskinan di Negara Brunei Darussalam dan telah diberikan pelbagai pengiktirafan atas kejayaan yang diperoleh. Antara pencapaian mereka



termasuklah menganjurkan bengkel *Youth Against Poverty* (YAP) yang membuahkan pelbagai projek bagi menangani kemiskinan atau projek *Wakaf 50 Bicycles*, iaitu sebuah projek yang membekalkan basikal kepada anak-anak yatim di Kemboja.

Segala pencapaian, kecil ataupun besar adalah sangat berharga bagi negara. Oleh itu, para belia tidak perlu berasa terbatas dalam menjalankan apa jua usaha untuk meraih kejayaan. Seperti pencapaian Dayangku Najibah Eradah binti Pengiran Ahmad Mahdi Al-Sufri atau dikenali sebagai *The Polar Girl* yang telah menjadi warga Brunei pertama untuk sampai ke Kutub Selatan pada tahun 2009. Ataupun pencapaian Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah, pengasas *Battle Pro Event* yang juga selaku pengerusi kempen pemasaran *AkuManang.com* yang mengambil inisiatif sendiri untuk menuntut ilmu keusahawanan di luar negara yang membantunya menjalankan kempen-kempen di Negara Brunei Darussalam dengan jayanya. Pencapaian-pencapaian seperti ini menunjukkan potensi belia untuk mencapai kejayaan adalah tinggi dan tidak terbatas.

MATLAMAT 3: EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjalankan beberapa strategi dan usaha untuk mempelbagaikan hasil pendapatan negara untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sektor minyak dan gas.

Menjelang tahun 2035, kita inginkan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan, ini bermaksud negara tidak lagi akan bergantung kepada sektor minyak dan gas malah pendapatan hasil negara akan diperolehi daripada sektor-sektor lain seperti pelancongan, perbankan, pertanian dan sebagainya.



USAHAWAN MUDA

Belia negara boleh melibatkan diri secara aktif dalam menceburi bidang keusahawanan bagi membantu mengembangkan ekonomi negara. Antara kisah usahawan-usahawan muda yang berjaya adalah seperti:



Pengasas
Syarikat S&R
Aquafarm,
Syazwan dan
ayahnya, Haji Suni

SYARIKAT S&R AQUAFARM ialah sebuah perniagaan yang menghasilkan tumbuhan segar dan organik menggunakan *aquaponics*. Perniagaan ini ditubuhkan oleh Awang Syazwan bin Haji Suni bersama ayahnya, dan telah memenangi Anugerah Perusahaan Paling Inovatif serta tempat ketiga dalam *Sustainable Business Award* bagi Shell LiveWIRE Brunei Business Awards. Syarikat mereka juga disenaraikan sebagai salah satu daripada 21 perniagaan antarabangsa bagi Anugerah *Shell Global Top Ten Innovators Awards* bagi tahun 2019.

Ladang *aquaponics* ini ditubuhkan di halaman rumah mereka. Kebanyakan tumbuhan yang dihasilkan ialah lada, tomato, cili, salad, labu dan herba-herba seperti *mint* dan *basil*. Syazwan juga mengikuti kursus Perniagaan di Shell LiveWIRE, dan dari sana beliau merancang langkah yang diperlukan untuk mengkomersialkan Syarikat S&R Aquafarm. Mereka berharap

dapat menyebarkan kesedaran, dan mendidik orang ramai tentang penghasilan tumbuh-tumbuhan segar secara organik, bebas daripada racun perosak kimia.

**Pengasas
Syarikat Karup,
Normajidah Rapidi
dan Siti Nur Liyana
Haji Adanan**



SYARIKAT KARUP ialah sebuah syarikat tempatan yang ditubuhkan oleh graduan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), iaitu Dayang Normajidah binti Rapidi dan Dayang Siti Nur Liyana binti Haji Adanan. Mereka menghasilkan produk buatan tempatan popiah dalam pelbagai jenis perisa dan dinamakan Karup.

Majidah dan empat orang kawannya mula menjual popiah pada tahun 2017 sebagai sebahagian daripada projek perniagaan mereka di UNISSA. Projek mereka bermula di bawah jenama Kripsto tetapi tanpa pengetahuan mendalam dalam bidang masakan. Mereka mula menguasai pengetahuan keluarga mereka dalam masakan Melayu tradisional untuk mempelajari cara penyediaan popiah.

Selepas menamatkan pengajian, mereka memutuskan untuk menjenamakan semula Kripsto kepada Karup dan membuat perniagaan sepenuh masa. Mereka berhasrat untuk menjual produk mereka di pasar raya tempatan dan mengeksport keluar negara pada masa akan datang.




SYARIKAT BRUNEI DELIVERY SERVICES (BDS) ialah sebuah syarikat tempatan yang ditubuhkan oleh Awang Rahim bin Ismail. Syarikat ini memberikan perkhidmatan penghantaran kepada pelanggan-pelanggan yang memerlukan, bukan sahaja dari segi penghantaran makanan, tetapi juga perkhidmatan seperti pembelian barangan harian dan sebagainya.

Pada permulaannya, beliau menubuhkan syarikat ini hanya dengan menggunakan kaedah media sosial WhatsApp, Microsoft Excel dan menggunakan kereta persendirian pada tahun 2017.

Syarikat BDS mengenakan caj penghantaran bagi setiap daerah dengan bayaran rata minima. BDS beroperasi dengan rangkaian pemandu persendirian, dan memberikan bayaran penghantaran dan wang komisen. Syarikat BDS mempunyai pelan untuk menggunakan aplikasi mudah alih khusus bagi syarikat mereka, agar ianya dapat memudahkan dalam menerima, menetapkan dan mengesan penghantaran-penghantaran mereka dengan lebih sistematik dan teratur.

BELIA BERANI MELANGKAH KE HADAPAN



Golongan belia di negara ini perlu terus mengorak langkah ke hadapan dalam pelbagai bidang, termasuk keusahawanan dan kesukarelawanan. Para belia harus berdiri teguh dan menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sentiasa berusaha memajukan diri sendiri, berjaya dalam pendidikan dan kebolehan mereka untuk berdikari, serta memperkukuhkan lagi kesedaran dalam beragama, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Peningkatan dan penyertaan positif daripada para belia khususnya usahawan-usahawan muda kini jelas kelihatan. Mereka berani melangkah ke hadapan dan meneroka alam perniagaan sebagai salah satu pilihan kerjaya. Negara sangat memerlukan belia seperti ini, terutama sekali para profesional muda dan usahawan belia yang setentunya akan menjadi pewaris kepimpinan pada masa akan datang.

Usahawan belia perlu mempunyai semangat yang tinggi, dan menawarkan pelbagai produk serta perkhidmatan untuk menyumbang kepada pembangunan negara, dari aspek agama, bangsa dan masyarakat. Belia yang berkualiti dan cemerlang bukan sahaja mampu memberikan sumbangan kepada negara, tetapi juga membentuk belia syumul.

MENJAYAKAN WAWASAN BRUNEI 2035



Setiap lapisan masyarakat mempunyai peranan untuk sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035. Tanpa usaha bersama ini, setentunya negara tidak akan dapat mencapai apa yang dihasratkan.

Belia memainkan peranan yang sangat penting dan aset yang amat berharga kepada negara memandangkan mereka adalah generasi yang akan menjadi pewaris kepimpinan dan merupakan tonggak kekuatan masa depan negara. Golongan belia juga yang akan menempuhi cabaran-cabaran yang bakal dihadapi di masa hadapan.

Oleh itu, mereka perlu bangkit dan menjadi belia yang berwawasan bagi menjayakan Wawasan Brunei 2035 dan ciri-ciri belia berwawasan seperti berikut:

Belia yang Berwibawa

Keadaan masyarakat yang akan datang adalah bergantung kepada keadaan dan pembinaan belia hari ini. Jika keadaan belia hari ini baik dan pembangunannya sempurna, maka masyarakat pada masa hadapan juga akan menjadi baik dan begitulah sebaliknya. Kekuatan sesuatu bangsa terletak kepada penegasan identiti individu itu sendiri. Apabila generasi belia itu kenal diri dan mempunyai kehebatan dan kewibawaan, maka di situlah kita dapat meletakkan harapan dan kepercayaan kepada mereka untuk menjadi wira-wira bangsa yang tulen bercalakkan Melayu Islam Beraja dan bijak menggunakan masa ke jalan berkebakjikan.



Belia yang Mempunyai Kemahiran Kepimpinan

Belia negara bukan saja dilihat sebagai unit masyarakat produktif yang akan menjayakan usaha-usaha membangun negara tetapi mereka ini juga dilihat sebagai pemimpin-pemimpin pada masa ini dan pada masa hadapan. Pemimpin-pemimpin pada satu hari nanti, juga akan memerlukan penggantinya dan tanpa pemimpin untuk memberikan hala

tuju serta bimbingan, sudah tentu sesebuah organisasi tidak akan mampu untuk maju dengan cemerlang.

Selayaknya, pengganti bagi pemimpin-pemimpin tersebut hendaklah yang mempunyai kemampuan dan jati diri tinggi dalam membangun potensi dirinya sendiri dan orang lain. Pengganti juga perlu berpegang teguh kepada agama dan menjiwai budaya warisan negara.

Oleh itu, pembangunan belia yang berkualiti dan matang adalah komponen yang sangat penting dalam usaha-usaha persediaan negara menghadapi masa hadapan yang mencabar. Belia pemimpin seperti ini juga membawa kepada pembentukan seorang Belia yang Berwawasan.

Belia yang Berwawasan Sendiri

Para belia mesti mempunyai wawasan mereka tersendiri. Wawasan yang ditanam dalam hati haruslah sebuah wawasan yang besar dan bermanfaat bagi dirinya, masyarakat dan negara. Generasi belia terutama sekali yang beragama Islam adalah dituntut untuk mentaati agama dan patuh kepada undang-undang negara serta menghormati tradisi bangsa.

Dalam mendukung wawasan yang murni, para belia perlulah memastikan bahawa mereka memiliki aqidah yang murni, akhlak yang mulia, sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan diri dalam semua bidang dan berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang yang diceburi, komited pada usaha untuk membangun masyarakat, kompeten dengan keperluan semasa, berminda luas dan berfikiran global serta universal. Pendek kata, demi membangun Negara Brunei Darussalam, para belia perlulah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjadi seorang belia yang berwawasan.



Belia yang Berjaya

Belia yang berjaya adalah yang berupaya untuk membantu masyarakat dan menyumbang kepada kemajuan negara. Kejayaan ini boleh dicapai melalui ketekunan belia untuk mendapatkan pendidikan dan kemahiran bagi menceburi apa jua bidang yang diingini. Jika keperluan kepakaran-kepakaran pada masa akan datang diisi oleh belia-belie yang pintar, mahir dan berwawasan, kejayaan negara adalah lebih terjamin.

Mereka bebas untuk memilih bidang yang ingin diceburi dan kejayaan dalam bidang-bidang tersebut sama ada kejayaan yang kecil mahupun yang besar adalah dianggap sebagai pencapaian yang amat berharga kepada pembinaan seorang belia yang berwawasan.

Segala kejayaan yang dicapai adalah sangat berharga bagi negara. Oleh itu, para belia tidak perlu merasa terbatas dalam menjalankan apa jua usaha untuk meraih kejayaan.

**Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11,
Tahun 2016 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
Negara Brunei Darussalam
pada 3 Safar 1438/3 November 2016**

Satu tanda belia cepat berubah,
apabila mendapati ramai di kalangan mereka,
walaupun dalam usia masih muda,
telah mencapai kejayaan-kejayaan sangat bermakna
dalam pelbagai bidang, seperti bidang kedoktoran,
guaman, kejuruteraan, keagamaan, keusahawanan
dan lain-lain.
Kejayaan-kejayaan yang diperolehi ini adalah alat
untuk para belia berkecimpung mencorakkan
masa depan negara.
Belia seperti ini tidak syak lagi adalah belia yang
berwawasan lagi cemerlang. Negara adalah
sungguh-sungguh mengimpikan mereka.
Tanpa mereka, negara akan kehilangan
tonggak atau pasaknya.

Wujudkan Minda yang Luas

Belia hendaklah berusaha untuk memperluaskan minda mereka supaya tidak mudah tersekat dengan halangan-halangan yang dihadapi. Mereka mesti berani untuk membuat perubahan dan bekerjasama dengan rakan atau ibu bapa. Kreativiti dan inovasi seperti ini merupakan antara ciri-ciri yang perlu ada pada seorang belia. Kreativiti dan inovasi bukan saja menghasilkan pemikiran-pemikiran bernas yang membukakan peluang-peluang perkembangan yang baru, akan tetapi juga boleh memberikan jalan penyelesaian bagi menangani cabaran-cabaran yang dihadapi negara pada masa ini dan pada masa akan datang.

Pemikiran Belia Berwawasan perlu selaras serta peka dengan perkembangan dunia pada masa ini. Hidup dalam zaman teknologi dan informasi yang serba moden ini menjadikan belia lebih memahami selok-belok dan tatacara perhubungan yang berkesan pada masa ini. Fakta inilah yang menjadikan belia lebih berkemampuan untuk mentafsir masalah dan cabaran negara yang dilalui pada masa ini dengan minda lebih terbuka sesuai dengan nilai-nilai teras negara. Ciri ini adalah sangat penting bagi negara untuk terus membangun dengan pesatnya dan supaya masih menjadi relevan di mata dunia.



Berpandangan Jauh

Sifat untuk sentiasa memandang ke hadapan, akan mewujudkan belia yang lebih dinamik dalam mengikuti arus perubahan dunia. Belia seperti ini mempunyai pandangan yang jauh serta lebih meluas dan membolehkan mereka untuk membuat persediaan yang bukan saja berdasarkan kepada perkembangan di dalam negara malah meliputi perkembangan negara-negara lainnya. Sebagai contoh, seorang belia yang berpandangan jauh secara aktif akan mendapatkan maklumat tentang perkembangan peluang-peluang pekerjaan di negara kita dan mengenalpasti beberapa sektor-sektor yang berpotensi pada masa akan datang. Kebolehan untuk berpandangan jauh dan mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran adalah penting bagi semua belia demi kejayaan mereka pada masa hadapan, sama ada bagi belia yang cenderung kepada pembelajaran akademik atau yang cemerlang dalam perkembangan vokasional. Dengan adanya belia yang membuat persediaan-persediaan seperti ini secara tidak langsung akan membantu negara untuk menghadapi cabaran-cabaran pada masa akan datang.



**Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11
Tahun 2016 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
Negara Brunei Darussalam
pada 3 Safar 1438/3 November 2016**

Tidak ada alasan untuk para belia lemah
dan menyerah kalah. Ini bukan sifat belia.
Belia adalah berani dan gagah.
Mereka berani membuka perusahaan sendiri,
walaupun mula-mulanya secara kecil-kecilan, seperti
meneroka khidmat cuci kereta, menternak ikan,
industri kreatif dan seumpamanya, tetapi
dari kecil itu ia boleh jadi besar, jika
para pengusaha belia terus gigih dan tabah.

Tidak Menyerah Kalah



Belia harus tabah dalam meraih kejayaan dalam kehidupan atau dalam menyokong pembangunan negara dengan menanamkan sifat-sifat “Berkarih, Berjarih dan Berlurih”. Para belia akan sering menghadapi beberapa cabaran dalam kehidupan seperti gagal dalam peperiksaan, sukar untuk menyesuaikan diri, masalah kesihatan, tekanan keluarga dan sebagainya. Ini boleh menjadi penghalang bagi mereka untuk terus maju dan berjaya tetapi dengan mempunyai ketabahan, kesabaran, memupuk sikap berkarih yang merupakan lambang kepada sikap gigih, titih, lutan dan penuh dengan semangat waja dan berfikiran positif dalam mengurus dan mentadbir kehidupan, cabaran-cabaran tersebut akan dapat ditangani dengan jayanya. Jadikanlah cabaran ini sebagai satu pengajaran untuk meningkatkan lagi kematangan diri.

Perlu tabah dalam menjauhkan diri daripada pengaruh-pengaruh negatif yang hanya akan merosakkan diri dan keluarga. Pengaruh-pengaruh yang membawa keburukan seperti merokok, penyalahgunaan dadah dan vandalisme mesti dielak dari awal lagi kerana jika dibiarkan, ia akan membawa kerosakan pada diri sendiri dan menjadi beban kepada masyarakat dan juga negara.

Bersedia untuk Berbakti



Belia berperanan dalam menyediakan diri mereka sendiri untuk menyumbang kepada keperluan masyarakat dan negara pada masa akan datang. Mereka boleh menjalankan peranannya melalui pelbagai cara. Salah satunya dengan menjadi aktif dan melibatkan diri dalam hal-hal berkaitan dengan perkembangan negara.

Ini termasuklah dengan meluangkan masa dalam mencari bahan bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang status perkembangan negara di samping membincangkannya bersama rakan-rakan sebaya.

Dengan usaha seperti ini, mereka akan dilihat mempunyai kemampuan yang tinggi dalam menghasilkan idea-idea yang bernas dan secara tidak langsung akan diberi keyakinan untuk memikul tanggungjawab-tanggungjawab yang lebih tinggi seperti mengambil peranan untuk mengenalpasti inisiatif-inisiatif yang dapat memajukan negara dan kemudiannya memberikan sokongan dalam menjayakan inisiatif-inisiatif berkenaan. Sokongan yang diberikan akan meningkatkan lagi keberkesanan inisiatif-inisiatif tersebut terhadap kemajuan negara. Oleh itu, jelas bahawa para belia boleh ikut serta dalam pelbagai inisiatif dan usaha negara bagi menjayakan hasrat Wawasan Brunei 2035.

Aktif dalam Kesukarelawanan

Selain aktif mengikuti perkembangan negara, para belia juga boleh menyumbang kepada pembangunan negara dengan penglibatan aktif dalam aktiviti-aktiviti positif seperti kesukarelawanan dan bersukan di samping melengkapkan diri dengan pengetahuan dalam pelbagai bidang seperti kebudayaan, seni dan sebagainya.

Dengan tidak membuang masa begitu sahaja dan mengisinya dengan aktiviti-aktiviti yang dapat membina belia sivik, matang dan berpengalaman yang berupaya untuk membentuk masa depan mereka tanpa memerlukan bantuan dan sokongan daripada mana-mana pihak.

Belia-belie yang terbentuk daripada penglibatan mereka dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat seperti ini secara tidak langsung akan mengurangkan masalah-masalah sosial dalam kalangan belia. Inilah yang dapat membantu negara untuk terus maju dan seterusnya akan mengekalkan kesejahteraan rakyat. Tertanamnya nilai-nilai murni, sifat bersatu dan semangat untuk membangunkan negara akan melipat gandakan lagi keberkesanan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh negara.



Mengamalkan Cara Hidup yang Sihat

Agenda kesihatan juga merupakan sebuah agenda yang melibatkan para belia negara kerana rakyat yang sihat adalah lebih berupaya untuk menjalankan peranan mereka dalam perkembangan negara. Jika dibayangkan, apabila seseorang itu sakit dan tidak dapat bekerja dengan sempurna akan menyebabkan kerugian kepada organisasinya.

Apa tah lagi jika seseorang itu menghidap penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, sakit jantung dan kegemukan atau obesiti yang pada lazimnya akan menjejaskan kehidupannya daripada kecil hinggalah dewasa.

Belia yang sihat akan membawa kepada rakyat yang sihat pada masa akan datang dan di samping itu boleh mempengaruhi rakan-rakan sebayanya untuk mengamalkan cara hidup yang sihat. Jika lebih ramai rakyat Brunei yang sihat, sudah tentu produktiviti negara akan meningkat.



Selain itu, perbelanjaan ubat-ubatan dan rawatan untuk orang-orang yang sakit juga akan dapat dikawal. Perbelanjaan tersebut boleh digunakan kepada inisiatif-inisiatif yang lain bagi membangun negara dan menjaga kesejahteraan rakyat. Oleh itu, sebagai pelapis generasi akan datang, para belia adalah berperanan untuk menjaga kesihatan diri masing-masing dan mengamalkan cara hidup yang sihat seperti mengamalkan makanan sihat, bersenam dan melakukan kegiatan fizikal, tidak merokok dan sebagainya.

Berkemahiran Tinggi

Negara memerlukan rakyat yang berkepakaran dalam pelbagai bidang supaya akan dapat menyokong keperluan pembangunan nanti. Belia yang akan mengisi kepakaran-kepakaran yang diperlukan itu seperti guru, imam, jurutera, doktor, jururawat, pengusaha, saintis, pakar bina, pakar seni budaya dan lain-lain.


Kepakaran-kepakaran dalam pelbagai bidang ini akan menyumbang secara langsung kepada usaha mempelbagaikan asas hasil negara. Dengan bertambahnya asas-asas hasil ini, negara tidak lagi perlu bergantung kepada hasil daripada minyak dan gas. Pada masa ini, belia haruslah melengkapkan diri sendiri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi ke arah kerjaya yang diingini. Kerjaya atau bidang yang selaras dengan keperluan negara pada masa akan datang boleh memberikan kesan positif kepada usaha negara untuk mempelbagaikan ekonomi. Dalam usaha belia untuk merancang kerjaya pada masa akan datang, mereka juga perlu membuktikan bahawa kualiti belia pada masa ini adalah lebih bagus atau sekurang-kurangnya setanding dengan warga dewasa yang ada. Kualiti yang diingini bukan saja secara luaran tetapi juga merangkumi nilai-nilai jati diri dan integriti seorang belia.



**Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
sempena Majlis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an
Belia Asia Tenggara Kali Ke-8
pada 7 Safar 1439/26 Oktober 2017**

Ugama Islam memang mahu umatnya berkualiti dan kaya dengan nilai. Nilai yang dikehendaki oleh Islam itu, pastinya adalah akhlak yang mulia.

Dari akhlak yang mulia inilah lahirnya segala sifat terpuji, seperti ta'at beragama, setia kepada ulil amri, cinta kepada negara, amanah, ikhlas dan ihsan. Inilah akhlak yang disuruh kita memakainya oleh Islam.



Ini bermaksud, para belia haruslah menjalankan tanggungjawab dalam bidang masing-masing dan menegakkan kualiti kerja dengan mempunyai akhlak yang mulia dan sikap terpuji serta penuh keimanan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasul-Nya dengan mematuhi ajaran Islam. Walau apa pun kerjaya yang dipilih oleh seseorang belia, tetap akan menyumbang kepada pembangunan negara dengan syarat belia tersebut hendaklah bersungguh-sungguh untuk mencapainya dan menjadi seorang yang cemerlang dalam bidang yang diceburi.

Sebagai belia yang berwawasan, peranan mereka bukan saja terhad kepada membuat persediaan diri dengan meningkatkan kebolehan dan kemahiran mereka malahan juga untuk membantu dalam menggerakkan masyarakat serta rakan-rakan sebaya di sekeliling mereka ke arah menyahut hasrat negara untuk menjadi sebuah negara yang maju pada masa akan datang. Belia Berwawasan yang pintar, berilmu dan bermaklumat, dan penuh dengan semangat adalah bertanggungjawab sebagai pemimpin untuk memberikan bimbingan dan motivasi kepada rakan-rakan belia yang lain. Mereka haruslah mengongsikan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi kepada rakan-rakan yang lain supaya mereka juga mampu memikul tanggungjawab sebagai seorang Belia Berwawasan.

Apabila belia-belia mempunyai hasrat, pendapat atau buah fikiran yang bernas, bekerjasamalah untuk membangkitkannya bagi didengar pada peringkat kebangsaan dengan menggunakan saluran-saluran yang disediakan. Jika terdapat ruang untuk belia bertindak dan menyumbang kepada negara dan masyarakat sama ada melalui projek-projek atau inisiatif-inisiatif negara, Belia Berwawasan haruslah tampil ke hadapan untuk sedia berkhidmat.

Belia Beriman

Belia berperanan dalam menjayakan wawasan negara kelihatan tertumpu kepada aktiviti-aktiviti ilmiah dan perkembangan jati diri, satu komponen amat penting yang perlu bagi menyempurnakan seseorang belia yang berwawasan adalah keimanan. Sebagai seorang belia muslim yang beriman, mereka wajib taat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasul-Nya dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Cara kita mentaati Rasul ialah dengan mencontohi keperibadian dan akhlak baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam semua aspek. Begitu juga para belia wajib mentaati kedua ibu bapa. Belia hendaklah mengasihi, menghormati, berbakti dan bersikap lemah lembut dalam tutur kata serta tingkah laku kepada keduanya selagi tidak bertentangan dengan *Syariat* Islam.



Belia juga berperanan dalam menegakkan syiar Islam dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Amalan tersebut boleh menjadi benteng untuk menangkis segala gejala buruk dari merosakkan jiwa dan meracuni minda yang boleh merosakkan masa depan belia dan negara. Para belia seperti inilah yang menjadi harapan bangsa dan masa depan negara. Mereka menjadi contoh baik untuk diteladani, yang membawa kepada kecemerlangan umat. Hasrat negara untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya akan dapat dilengkapi dengan adanya generasi belia syumul, iaitu belia yang bukan sahaja cerdik pandai tetapi juga belia yang beriman dan bertaqwa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.



BELIA HARAPAN BANGSA



Belia-belie negara merupakan aset penting bagi kecemerlangan negara dan kesejahteraan rakyat pada masa akan datang. Menyedari akan kepentingan ini, para belia perlu diasuh, dididik dan diberikan bimbingan yang betul dan sempurna sehingga mereka menjadi generasi yang berilmu, beriman, beramal dan bertaqwa serta berakhlak mulia berpandukan Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Oleh itu, pembangunan belia-belie negara adalah penting dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035. Pelbagai program yang dikhaskan untuk pembangunan belia juga telah dijalankan bukan saja daripada inisiatif-inisiatif pihak kerajaan malah daripada pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan.

Diharap dengan semua usaha yang dijalankan untuk belia ini akan dapat dimanfaatkan oleh para belia di negara ini dan merebut peluang-peluang yang diberikan untuk menjadikan diri mereka individu yang aktif dalam melibatkan diri untuk masa depan negara serta menyahut cabaran Belia Berwawasan.



Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sentiasa memberi taufik dan hidayah-Nya jua kepada belia-belia negara kita sebagai Belia Berwawasan yang mempunyai keimanan yang kuat, aqidah yang mantap dan keperibadian yang kukuh dalam melakar masa depan negara ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dan 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur', iaitu "Negara makmur yang sentiasa mendapat keampunan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*".

JADILAH BELIA BERWAWASAN



KITA SEBAGAI rakyat Negara Brunei Darussalam ingin terus menikmati hidup aman dan damai dengan pembangunan negara pesat yang membawa kesejahteraan kepada semua. Bagi memastikan kesejahteraan negara kita ini berlanjutan, usaha daripada pelbagai pihak untuk membangun belia negara yang berwawasan harus dijadikan keutamaan.

Belia negara adalah pelapis bangsa dan akan meneruskan usaha generasi sebelumnya dalam arena pembangunan negara sekali gus memikul tanggungjawab bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat. Belia adalah harapan kita untuk meraih kejayaan yang lebih tinggi bagi Negara Brunei Darussalam dan menjadi terkenal di mata dunia.

Oleh itu, jadilah belia yang pintar dan mahir dalam bidang masing-masing supaya dapat membantu keluarga dan menyumbang kepada negara. Jadilah belia yang mengenal jati diri supaya boleh mempertahankan budaya negara di dalam dan luar negara. Jadilah belia yang beriman dan taat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasul-Nya supaya tidak sesat dibawa arus globalisasi. Itulah yang dinamakan Belia Berwawasan.

GLOSARI

Kata/Frasa	Makna/Maksud
Agenda	Acara; susunan perkara yang akan dibincangkan
Aspirasi	Keinginan yang kuat atau cita-cita
Asas-asas hasil	Sesuatu perkara yang diperolehi daripada sesuatu usaha (seperti tanaman dan sebagainya)
Bercalakkan	Calak – br. Acuan; bercalakkan - beracuan
Berkemahiran tinggi	Mempunyai kemahiran atau kepandaian yang tinggi
Berfikiran global	Pemikiran yang meliputi secara keseluruhannya (seluruh dunia)
Benteng	Untuk mempertahankan sesuatu yang lain
Inovasi	Sesuatu yang baru diperkenalkan
Integriti	Kejujuran
Jati diri	Identiti; sifat atau ciri
Kemahiran keinsanan	Kecekapan dan kepandaian melakukan sesuatu kemanusiaan
Kewibawaan	Kepakaran dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan

Kata/Frasa	Makna/Maksud
Keperibadian	Perihal sikap, sifat dalam diri seseorang yang membezakannya daripada yang lain
Lutanan	Sangat teliti dalam melakukan sesuatu pekerjaan
Memupuk	Pupukan – hasil (perbuatan) memupuk Pemupukan – proses (perbuatan, cara) memupuk
Melakar	Merajah/merajahkan (gambaran)
Mantap	Tidak berubah, stabil, kuat, tetap
Perencana	Perancang
Penegasan identiti	Penentuan aspek-aspek tertentu (tingkahlaku, cara berpakaian dan sebagainya)
Perpaduan	Persatuan
Pemikiran-pemikiran bernas	Buah fikiran; fikiran yang berisi dan matang
Produktiviti	Penghasilan
Relevan	Ada kaitan atau ada hubungan
Semangat waja	Kemahuan untuk melakukan sesuatu/ berjiwa keras/berkemahuan semangat yang kuat

Kata/Frasa	Makna/Maksud
Titih	<i>Br.</i> Rajin dan cermat dalam melakukan sesuatu
Universal	Berlaku atau terdapat di mana-mana sahaja/merangkumi semua
Vandalisme	Perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada:

**Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035
Jabatan Perdana Menteri**

**Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**Jabatan Percetakan Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri**

Editor

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha

Tim Penerbitan

Yang Mulia Dayang Wathiqah Amirah binti Haji Wasli

Yang Mulia Dayang Nadia Azwani binti Awang

Yang Mulia Dayang Hajah Norani binti Haji Sofri

Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar

Yang Mulia Awang Zuraini bin Haji Rajab

Dan juga kepada semua individu yang telah sama-sama menyumbang tenaga serta buah fikiran bagi menjayakan penerbitan buku ini.

NOTA 

